


# Bersama **PERSONALITI**

*V.Bhg Dato' Naib Canselor*



"Mengemudi sesebuah organisasi yang bernilai di atas kertas lebih daripada 1 Billion sehingga mencecah tahap pencapaian hari ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan tetapi terbukti tidak mustahil."

Dipetik daripada Buku Pelan Strategik UniMAP 2008-2010



Membangunkan dan mentadbir sebuah universiti yang baru ditubuhkan merupakan satu tugas yang sukar dan mencabar yang perlu dipikul oleh seseorang Naib Canselor. Biarpun baru mencecah 6 tahun penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) yang pada 1 Februari 2007 lalu telah dijenamakan semula dan kini memiliki nama Universiti Malaysia Perlis atau UniMAP, kini sudah berupaya untuk berdiri setanding dengan nama-nama universiti awam lain yang telah lama ditubuhkan di Malaysia. Dengan memiliki prasaranan pembelajaran yang kondusif biarpun dikategorikan sebagai Kampus Teragih namun ianya bukanlah satu penghalang kepada kemajuan dan kegemilangan Universiti Malaysia Perlis di bawah pimpinan Naib Canselornya yang pertama iaitu Yang Berbahagia Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin bin Hussin.

Dalam edisi pertama penerbit ruangan Bersama Naib Canselor pada kali ini, editor akan menyoroti kembali sedikit biografi Naib Canselor Pertama UniMAP ini.

Yang Berbahagia Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin dilahirkan pada tanggal 10 Februari 1955 di Pudu, Kuala Lumpur . Beliau merupakan anak kelima pasangan kepada pasangan Hussin Salleh dan Hasmah Hj. Abu Bakar. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Pasar Road dan Sekolah Rendah Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Beliau seterusnya menerima pendidikan peringkat menengah di Sekolah Menengah Aminuddin Baki dan seterusnya menamatkan pengajian di tingkatan enam di Sekolah Menengah Alam Shah.



Selepas zaman persekolahan menengah, beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia (USM) dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda (kepujian) dalam bidang Kimia pada 1979, dan seterusnya beliau memperolehi Ijazah Sarjana dalam bidang Elektrokimia di universiti yang sama, dalam tahun 1982. Dalam tahun 1993 beliau melengkapkan pengajian peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) dalam program kerjasama antara USM dengan Kalgoorlie School of Mines, Australia dalam bidang Kejuruteraan Bahan (Metalurgi Pengekstrakan). Kejayaan beliau memperoleh ijazah sarjana muda hingga doktor falsafah di USM menempatkan beliau sebagai antara sebilangan kecil mahasiswa atau siswazah yang pertama yang berupaya menamatkan pengajian dalam bidang sains dan kejuruteraan sepenuhnya di universiti yang sama di dalam negara.

Sejarah perkongsian ilmunya dalam dunia penyelidikan bermula apabila beliau memulakan kerjayanya di USM sebagai Pensyarah Pusat Pengajian Kimia. Dalam tempoh bermula dari 1982 dan berakhir pada 1985, beliau dilantik sebagai Pengerusi Rancangan Kimia di Pusat Matrikulasi, USM. Apabila Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral ditubuhkan di USM dalam tahun 1986, beliau memilih untuk membangunkan pusat pengajian baru itu dan USM (Kampus Cawangan Perak), yang memberikan tumpuan pada program-



program pengajian kejuruteraan, bersama-sama beberapa orang rakan pensyarah yang lain. Mulai tahun 1989-1991 beliau dilantik sebagai Timbalan Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral sebelum menyambungkan pengajian peringkat Ph.D-nya, dan dilantik semula pada tahun 1993-1996 bagi jawatan yang sama sebaik sahaja menamatkan pengajian. Pada tahun 1996 hingga Mei 2001 beliau dilantik pula sebagai Dekan di pusat pengajian tersebut.

Yang Berbahagia Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin pernah juga dilantik sebagai Penolong Penggawa (yang bertanggungjawab mengurus asrama dan mentadbir aktiviti mahasiswa peringkat asrama) pada tahun 1984-1986 dan sebagai Penggawa di USM (Cawangan Perak) dari tahun 1986-1991. Kemuncak kerjaya beliau di USM terserlah setelah dilantik sebagai Pengarah, Kampus Kejuruteraan USM di Nibong Tebal, Pulau Pinang pada Mei 2001 sehingga Mac 2002 sebelum dilantik sebagai Rektor Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia pada 16 Februari 2002. Menurut Dato' Dr. Kamarudin, pada waktu transisi (ketika masih menjadi staf USM dan dalam masa yang sama telah dilantik sebagai Rektor) inilah beliau dapat dikatakan setiap hari berulang-alik dari Nibong Tebal ke Kangar (sekitar 3 bulan) untuk seperti biasa mengurus Kampus Kejuruteraan USM, dalam masa yang sama mengerakkan dan membangunkan kampus baru UniMAP.

Membangunkan kampus baru bukan kerja baru bagi beliau, Dato' Dr. Kamarudin merupakan seorang daripada tenaga penggerak yang terlibat dalam pembangunan kampus sementara USM di Ipoh mulai tahun 1986 hingga 1989, dan kampus tetap USM (Cawangan Perak) yang berpindah ke Tronoh dalam tahun 1990. Selanjutnya, beliau bertanggungjawab membangunkan kampus tetap USM (Cawangan Kejuruteraan) di Nibong Tebal, Pulau Pinang mulai 1997 hingga 2001.

Atas ikatan kasih sayang, Dato' Dr. Kamarudin telah mendirikan rumah tangga dengan Noridah Yangman pada 4 Jun 1978 dan hasil perkongsian hidup yang damai dan bahagia, pasangan ini dikenalpasti Allah empat orang cahaya mata, dua orang putera dan dua orang puteri. Menurut Dato' Dr. Kamarudin, Datin Noridah ialah insan di sebalik kejayaannya dan merupakan insan yang paling banyak memberikan dorongan serta sokongan dalam kerjaya dan kehidupan beliau. Kini berkat disiplin dan asuhan yang disemai oleh kedua-dua pasangan ini, keempat-empat putera dan puteri mereka telah berjaya melanjutkan pelajaran ke luar Negara dalam pelbagai bidang pengajian.

Di samping mencipta kejayaan gemilang dalam kerjayanya, kebolehan dan sumbangan beliau juga begitu terserlah dalam kerja-kerja sukarela dan kemasyarakatan. Bakti dan jasa beliau tidak terkira dengan jari. Naib Canselor pertama UniMAP ini ialah Pengurus Biro Pencegahan di IPT & Kelab PEMADAM Kebangsaan bagi tahun 2003-2005, dan kini Naib Yang Di Pertua PEMADAM Kebangsaan. Kerana ketokohan dan minatnya melakukan kerja-kerja sukarela yang mendalam, Dato' Dr. Kamarudin dilantik sebagai Naib Pengurus PBSMM Perlis pada tahun 2005. Selain itu, beliau telah lama aktif sebagai tenaga penggerak dan Penceramah Biro Tatanegara (BTN) sejak tahun 1995. Dalam Pasukan Sukarela Askar Wataniah pulah, nama Dato' Dr. Kamarudin bagi tidak dapat dipisahkan daripada pasukan itu. Namun, oleh sebab kewibawaan, keprihatinan, disiplin dan sekali lagi minatnya yang amat mendalam, beliau pernah dilantik sebagai Pegawai Memerintah Batalion 1 berpangkat Lettuken Kolonel di Rejimen 504 pada tahun 1 Januari 2003 hingga 2006 sebelum ditukarkan ke Rejimen 509 di Pulau Pinang sebagai Komandan yang berpangkat Kolonel pada 30 November 2006.

Bagi mengenang dan mengiktiraf sumbangan bakti beliau samada dalam bidang kerjaya dan aktiviti sukarela, beliau telah dianugerahkan pingat Ahli Mahkota Perak (AMP) oleh DYMM Sultan Perak pada tahun 1998 dan dianugerahkan Darjah Paduka Sirajuddin Jamalullail (DPSJ) yang membawa gelaran Dato' oleh DYMM Raja Perlis pada 17 Mei 2004.

#### Dipetik dari Laman Web Naib Canselor UniMAP

Dalam edisi kedua penerbit ruangan Bersama Naib Canselor nanti, editor akan menyiaran wawancara bersama Naib Canselor.

